

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Bahasa Cina 2 ini mengandungi 4 soalan subjektif iaitu Rumusan (35%); Pemahaman dan Penterjemahan Teks Klasik (30%); Pengetahuan Bahasa (20%) dan Kata-kata Hikmat (15%). Jumlah markah ialah 100%.

Semua soalan adalah wajib dan masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, prestasi calon adalah baik. Dari segi kualiti, tidak ramai calon yang mencapai tahap cemerlang. Pencapaian calon telah meningkat jika dibandingkan dengan tahun lepas. Kebanyakan calon memperoleh markah sederhana. Kumpulan calon yang sangat lemah tidak ramai, mereka masih belum dapat menguasai tahap bahasa di peringkat SPM.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon kumpulan ini dapat menjawab semua soalan dengan tepat dan memenuhi kehendak peraturan pemarkahan. Daya pemahaman calon agak tinggi, mahir dalam soalan tatabahasa, persediaan yang mencukupi untuk bahagian kata-kata hikmat, penyampaian bahasa dan gaya penulisan juga berkualiti. Hanya terdapat sedikit kesilapan tulisan dalam jawapan mereka.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Walaupun calon kumpulan ini cuba menjawab semua soalan, mereka kurang memahami kehendak soalan. Daya pemahaman dan penguasaan bahasa klasik mereka kurang memuaskan. Mereka juga lemah dalam membina ayat dan tidak mahir dalam soalan tatabahasa. Justeru, jawapan mereka kurang menepati peraturan pemarkahan dan kesalahan kosa kata atau kesilapan tulisan kerap kali ditemui.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon kumpulan ini tidak memahami langsung kehendak soalan. Calon tidak dapat mengecam isi penting bagi soalan rumusan, malahan struktur ayat sangat lemah. Mereka tidak berusaha untuk memahami teks klasik, tidak mahir dalam tatabahasa dan tidak membuat persediaan untuk bahagian kata-kata hikmat. Oleh itu, ada yang tidak menjawab langsung.

PRESTASI TERPERINCI CALON MENGIKUT SOALAN

Soalan 1 - Rumusan

Pada keseluruhannya, prestasi calon memuaskan. Agak ramai juga calon yang menunjukkan pencapaian cemerlang. Akan tetapi, ada juga calon yang tidak menepati kehendak soalan, yakni jawapannya melebihi jumlah perkataan yang dikehendaki. Terdapat juga calon yang lemah di mana pemeriksa tidak faham apa yang disampaikan.

Kebanyakan calon mendapat markah hampir penuh pada perenggan pertama dan kedua. Ramai calon kehilangan markah pada perenggan ketiga dan perenggan kelima.

Kesilapan yang kerap ditemui adalah seperti berikut:

1. Terdapat kesilapan tulisan kata (错别字) walaupun calon dapat menyalin kesemua perkataan atau ayat daripada petikan asal. Contoh: (kata yang salah dalam kurungan)
技能 (枝) 资讯 (迅) 固步自封 (故)
社会 () 掌握 (撑)
2. Terdapat calon yang menggunakan frasa yang salah. Contoh: 思考性、勇接收、有机接触、不自封
3. Terdapat calon yang telah memesongkan maksud ayat sehingga ringkasan yang dibuat kurang jelas maknanya. Contoh:
 - i. 目前还有一些不懂操作电脑的老师使到采用电脑教学的反应冷淡。
 - ii. 教师对电脑相当冷淡。
 - iii. 它有应变能力。
4. Terdapat banyak isi penting yang tidak mempunyai subjek. Contoh:
 - i. 勇于接收新时代的挑战。
 - ii. 除外, 必须具备应变能力。
 - iii. 获得适当训练。
5. Terdapat ringkasan yang tidak betul sama ada dari segi maksud ayat ataupun tatabahasa. Contoh:
 - i. 教师对电脑入室反应冷淡。
 - ii. 心理随消。

Calon yang menunjukkan pencapaian cemerlang biasanya dapat merumuskan perenggan 3 dan perenggan 5 dengan betul.

Jawapan betul yang kerap dijumpai:

Perenggan 3: 一般人害怕改变, 教师获得适当的训练, 掌握技能, 害怕心理就会消失.

Perenggan 5: 在教学过程中, 教师扮演着主要角色, 教师营造有利于学习的环境并培养出积极思考的学生.

Soalan 2 - Pemahaman dan Terjemahan Teks Klasik

Prestasi calon agak memuaskan. Antara 5 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini, hanya soalan 2 yang berbentuk KBKK, prestasi calon kurang memuaskan. Untuk keempat-empat soalan yang lain, calon dapat menjawab dengan tepat dan memperolehi markah penuh. Akan tetapi, ada juga segelintir kecil calon yang tidak dapat menjawab langsung bahagian ini.

Kesilapan yang kerap ditemui

1. Calon tidak dapat menentukan jawapan yang dikehendaki. Jawapan mereka terlalu panjang, terdapat isi yang tidak relevan, terdapat juga banyak kesilapan tulisan, mengakibatkan markah ditolak khususnya soalan 1. Jawapan calon terlalu ringkas, markah kurang kerana jawapan kurang lengkap.
写小偷被捉因被狗咬组脚，没言及后半段狗儿被杀死后也咬着不放。
2. Calon salahtafsirkan soalan. Pada soalan 2, calon tidak dapat memberikan makna yang tersirat, mereka hanya menerjemahkan erti frasa sahaja.
3. Calon tidak meneliti petikan. Mencampuradukan dua buah cerita yang dikemukakan dalam petikan.
将文中乞丐的狗与程易门的狗混为一谈。
4. Salah tafsirkan istilah klasik.
误将俄而诸狼大集解为很多饿狼集合一起；啮误解为齿；斫误解为刺；犬误解为吠等等。
5. Soalan Mengalihkan Bahasa Klasik ke Bahasa Moden. Calon tidak dapat menerangkan maksud kata “啖”“奋啮” Calon menyalahafsirkan istilah “佃户”，“不使前”多作“不敢上前”

Calon yang menunjukkan pencapaian cemerlang biasanya dapat memberi jawapan betul untuk soalan 2.

Jawapan betul yang kerap dijumpai:

Soalan 2: 狗不能保护主人的尸体,死得不甘心./狗很忠心,死不瞑目.

Soalan 3 - Pengetahuan Bahasa

Prestasi calon agak memuaskan. Ramai calon mendapat markah penuh untuk soalan 1(a), 1(b), 2(a), 2(b) dan 3(a). Soalan 3(b) agak susah untuk dijawab. Kebanyakan calon tidak dapat membetulkan kesilapan ayat ini.

Kesilapan yang kerap ditemui

- 1 (a) Menerangkan maksud “洋溢”. Kebanyakan calon dapat markah penuh untuk soalan ini. Sebilangan kecil sahaja yang tidak dapat jawab soalan ini. Calon yang hanya mendapat 1 markah kebanyakannya memberi jawapan “有”、“拥有”、“含有”.
Ramai calon yang dapat 0 markah memberi jawapan “散发”.

- 1 (b) Mengenalpasti bahagian ayat yang menggunakan teknik penulisan “顶真”. Kebanyakan calon dapat memberi jawapan yang tepat. Calon yang mendapat markah 0 kerana memilih bahagian ayat yang menggunakan teknik penulisan “排比” iaitu “那么纯真, 那么亲切, 那么感人”. Terdapat calon yang tidak memahami soalan di mana mereka memberi jawapan “顶真”.
- 2 (a) Mengenalpasti adverb “助词” dalam ayat. Kebanyakan calon dapat memberi jawapan yang betul. Jawapan yang tidak relevan adalah seperti “使” dan “能够”.
- 2 (b) Mengenalpasti frasa “联合短语” dalam ayat. Ramai calon dapat memberi jawapan yang tepat. Jawapan yang paling kerap ditemui ialah “自立自强”. Mereka yang tidak dapat markah memberi jawapan seperti “正确的人生观和自立自强” dan “人生观和自立自强”.
- 3 (a) Mengenalpasti “定语” yang terdapat dalam ayat. Ramai yang memberi jawapan yang betul.
- 3 (b) Membetulkan ayat. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat mengenalpasti bahagian ayat yang terdapat kesalahan iaitu “.....大都以年轻人居多”.
- 4 (a) Tuliskan Hanyu Pinyin untuk “蕴蓄”. Ramai calon hanya dapat 1 markah sahaja. Mereka hanya dapat memberi jawapan untuk “蓄”. Kebanyakan calon menulis “wen ” untuk “蕴”.
- 4 (b) Menggabungkan 2 ayat tunggal kepada ayat majmuk 因果复句. Ramai calon tidak dapat memberi jawapan yang betul. Kebanyakan calon menggunakan kata penghubung yang betul tetapi tulis pada tempat yang tidak sesuai contohnya “因为我知 道你无声的悲哀, 所以我的血脉里流着相同的血液.” Terdapat juga calon yang dapat menjawab soalan ini tetapi tidak meletak tanda bacaan koma pada tempat yang sesuai.

Calon yang menunjukkan pencapaian cemerlang biasanya dapat memberi jawapan betul untuk soalan 3(b).

Jawapan betul yang kerap dijumpai:

Soalan 3(b): 参加本届大马运动会会徽设计比赛的人,以年轻人居多./
参加本届大马运动会会徽设计比赛的人,大都是年轻人.

Soalan 4 - Kata-kata Hikmat

Soalan 1 agak susah. Sebilangan besar calon memberi salah satu jawapan yang salah iaitu “不积细流, 无以成江海”, kerana kata hikmat ini juga membawa makna 恒心 secara tidak langsung, walaupun makna yang sebenarnya adalah sikit-sikit, lama-lama menjadi bukit.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan 2 dan 3 dengan betul. Soalan 4 agak susah dijawab. Calon yang sederhana dan lemah tidak dapat menjawab dengan lengkap kerana kata-kata hikmat yang diberi hanya boleh memberi makna tersirat sahaja tetapi tidak dapat memberi makna tersurat.

Kesilapan yang kerap ditemui

Dalam soalan 1, 2 dan 3, calon yang lemah tidak berupaya memilih jawapan cadangan secara tepat disebabkan mereka tidak benar-benar memahami makna kata hikmat yang diberi. Calon hanya menulis abjad sebagai jawapan mereka tanpa menyalin kata hikmat seperti yang terpapar pada kertas soalan. Contoh: b, d. Calon hanya memberi satu jawapan sahaja pada soalan 1.

Dalam soalan 4 pula, mereka memberi makna tersirat kata-kata hikmat. Calon hanya menerangkan sebahagian makna kata hikmat sahaja. Contoh:

- i. 大勇若怯，大智若愚（说明人不可貌相）
- ii. 横眉冷对千夫指，俯首甘为孺子牛（说明老师牺牲自己，作牛马 / 表示不怕被人骂，为社会服务）
- iii. 尺有所短，寸有所长；物有所不明，智有所不足（说明人没有十全十美 / 说明每个人都有自己的优点）
- iv. 有的人活着，他已经死了；有的人死了，他还活着（说明人要活得有意义 / 人活着要为社会做出贡献）

Calon memberi makna yang berkaitan tetapi salah. Contoh:

- i. 大勇若怯，大智若愚(说明做人要谦虚，不可骄傲)
- ii. 尺有所短，寸有所长；物有所不明，智有所不足（说明每种事物都有好坏）
- iii. 有的人活着，他已经死了；有的人死了，他还活着(人活着要做对得起良心的事，光明正大)

Calon juga mengeliru dengan kata-kata hikmat yang lain. Contoh:

- i. 尺有所短，寸有所长；物有所不明，智有所不足 dengan 自己之短，不掩人所长。
- ii. 有的人活着，他已经死了；有的人死了，他还活着 dengan 死有重于泰山，轻于鸿毛。

Soalan 5: Membina ayat dengan kata hikmat. Calon tidak dapat membina ayat yang menerangkan makna kata hikmat yang lengkap mengakibatkan ayat yang dibina itu tidak memperoleh markah penuh ($\frac{1}{2}$ markah). Contoh:

- i. 所谓“人无善志，虽勇必伤”，他立志不良，总有满腔热忱 也是枉然。(1 markah)
- ii. 所谓以日暴之，十日寒之，你这种求学态度，恐怕十年后也 一事无成。(1 $\frac{1}{2}$ markah)

Terdapat juga jawapan calon yang baik dapat merangkumi semua makna yang tersirat.

Contoh:

- i. 小明时常都不勤于练习钢琴，有时一星期才练习一次，真是一日曝之，十日寒之，两年之后他还是不精。
- ii. 她答应捐出一万令吉给某社团，但是却没把钱交出，口惠而实不致，又怎能取信于人呢？

Perkataan yang kerap salah ditulis:

歧（ ） 丧（ ） 敢（ ） 辛（幸）

SARANAN KEPADA PELAJAR

1. Calon yang akan menduduki kertas peperiksaan ini dinasihatkan supaya mengetahui format soalan peperiksaan terlebih dahulu dengan merujuk kepada soalan peperiksaan tahun-tahun lepas. Mereka perlu membuat persediaan yang rapi sebelum menghadapi peperiksaan. Diingatkan bahawa bagi soalan 3 dan 4, soalan peperiksaan akan mencakupi sukatan pelajaran tingkatan peralihan hingga tingkatan lima.
2. Soalan Rumusan – calon perlu mengetahui bahawa setiap perenggan mempunyai isi penting dan cuba mengenal pasti isi-isi penting dari setiap perenggan teks yang ditujukan. Jangan mengabaikan sesuatu perenggan kerana ini akan mengakibatkan seseorang calon itu kekurangan isi penting.
 - a. Calon digalakkan menggunakan kata singkatan yang selaras dan
 - b. diterima umum dalam menjawab soalan rumusan. Jika calon tidak
 - c. dapat mengenal pasti kata singkatan bagi sesuatu frasa, calon
 - d. digalakkan mengguna kata/frasa dari petikan asal.
3. Calon diminta jangan menulis ringkasan melebihi had perkataan yang ditentukan.
4. Tek Klasik – memperbanyakkan latihan kefahaman teks-teks klasik dan cuba menguasai makna kosa kata klasik (文言实词、文言虚词) supaya calon dapat memahami isi kandungan teks klasik yang akan diuji nanti.
5. Pengetahuan Bahasa – mengetahui skop peperiksaan dan banyakkan latihan yang mirip kepada soalan peperiksaan.
 - a. Calon harus mempunyai asas yang kukuh tentang pengetahuan bahasa yang akan diuji. Tumpuan harus diberi kepada “修改病句” dan “修辞”.
 - b. Memahami kehendak soalan misalnya berikan SATU jawapan, maka pelajar dikehendaki memberi satu jawapan sahaja yang dianggap paling tepat.
6. Kata-kata hikmat – calon dicadangkan memahami makna tersirat semua kata hikmat dalam sukatan pelajaran sebagai langkah penting bagi menghadapi peperiksaan ini.
 - a. Pentingkan “aplikasi” kata hikmat, iaitu menguasai teknik membina ayat dengan kata hikmat berkenaan. Contoh ayat yang dibina seharusnya membawa maksud keseluruhan kata hikmat berkenaan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mengukuhkan kemahiran bahasa calon melalui pengajaran yang berkesan seperti banyakkan latihan membaca dan membuat latihan.
2. Membimbing calon dengan cara yang betul untuk merumuskan petikan agar calon berupaya menyampaikan isi-isi penting dalam ayat yang teratur, ringkas dan padat.
3. Mendedahkan calon teknik-teknik menjawab soalan agar mereka benar-benar faham kehendak soalan dan menjawab soalan dengan mematuhi peraturan contohnya had perkataan bagi teks rumusan dan persembahan isi bagi soalan kefahaman dan cara membina ayat dengan kata hikmat.
4. Guru harus mengetahui format peperiksaan secara mendalam.